# KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan. No. Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

KOBANGI/SU/S/2021-2022 (30) 29 Mei 2022 bersamaan 28 Syawal 1443H

#### KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI BANDAR BARU BANGI BERHAD

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

## ETIKA BERKOMUNIKASI DI DALAM "KUMPULAN WHATSAPP" KOBANGI

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa di Mesyuarat Anggota Lembaga KOBANGI Ke-5 yang diadakan pada Ahad 15, Mei 2022 telah meluluskan **Komunikasi Terbuka** di kalangan anggota KOBANGI dalam Kumpulan Whatsapp (WA). Sebelum ini hanya Pentadbir (Administrator) Kumpulan WA yang dibolehkan menghantar maklumat secara **Komunikasi Sehala.** Komunikasi sedemikian bersifat tertutup dan tidak memberi manfaat kepada KOBANGI. **Komunikasi Terbuka** akan memberi peluang kepada semua anggota untuk memberi cadangan dan idea yang membina bagi meningkatkan kecemerlangan KOBANGI.

2. Bagi mengurus dan mengawal Komunikasi Terbuka dalam Kumpulan WA, semua anggota diwajibkan mengikut Garis Panduan (GP1): Etika Berkomunikasi Di Dalam Kumpulan Whatsapp seperti lampiran. Ini adalah etika berkomunikasi di Kumpulan WA KOBANGI. Anggota yang mengabaikan etika komunikasi ini mencerminkan keperibadian nya

No. Daftar: Koop. Kawasan No.435

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA"

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,

-----

HJ. AHMAD DENIL BIN HASBULLAH Setiausaha KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.

s.k.

1. Pengerusi dan semua ALK dan JAD

## GARIS PANDUAN (GP1): ETIKA BERKOMUNIKASI DI DALAM KUMPULAN WHATSAPP

#### Berikan Salam.

Mulai berkomunikasi dengan ucapan salam yang merupakan bukti bahawa anda sedang berkomunikasi secara formal atau setidaknya semi formal. Setelah selesai *Chatting*, jangan lupa ucapkan terima kasih untuk maklum balas dari pengguna yang menerima mesej.

#### b. Perkenalkan Diri.

Ini dilakukan agar lawan bicara kita mengenali siapa yang mengirim mesej. Hindari bersikap seolah anda sudah dikenali ramai anggota lain, kerana belum tentu anggota lain menyimpan nombor telefon bimbit anda.

## c. Kesan Positif.

Pengguna WA harus memikirkan bagaimana mesej yang dihantar tidak memberi kesan negatif bagi pengguna lain. Sopan-santun adalah penting dalam berkomunikasi.

#### d. Kandungan Mesej

Kandungan mesej yang dilarang di antaranya yang melanggar tata kesusilaan,penghinaan, perjudian, pencemaran nama baik seseorang, pemerasan, ancaman, penyebaran berita fitnah dan palsu, berita politik, ugama dan perniagaan dalam talian tanpa kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga KOBANGI.

Kandungan mesej mesti ada kaitan dengan urusan KOBANGI dan elakkan mengirim mesej yang sama berkali-kali.

#### e. Kesesuaian Masa

Semua pengguna digalakkan tidak mengirim mesej WA pada masa-masa yang sibuk dan pada waktu istirehat kecuali mendapat maklumat yang mendesak, luar biasa atau darurat yang perlu dimaklum balas dengan segera.

## f. Maklum balas

Pastikan setiap mesej yang diterima dapat dijawab dengan cepat dan balas secara professional jika mengenai pertanyaan mendesak dan penting.

## g. Pengawasan Pentadbir (Administrator)

Adalah menjadi tanggung-jawab Pentadbir Kumpulan WA untuk memastikan Garis Panduan (GP1) dipatuhi sepenuhnya dan tindakan akan diambil terhadap pengguna yang melanggar Garis Panduan ini.

No. Daftar: Koop. Kawasan No.435

.